KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

# Anugerah
# TOKOH AKADEMIK BAHASA MELAYU 2019

PENCALONAN TERBUKA
KEPADA SEMUA AHLI AKADEMIK

*TERTAKLUK KEPADA SYARAT UMUM PENYERTAAN




WANG TUNAI : RM30,000
PIALA IRINGAN
SIJIL PENGANUGERAHAN

TARIKH TUTUP : 31 JULAI 2019

untuk maklumat lanjut sila layari :
www.moe.gov.my/atabm

No Tel : 03-88705087 / 5384 / 5327

## Latar Belakang

Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu (ATABM) merupakan salah satu inisiatif strategik yang terkandung dalam Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam (UA) 2016 hingga 2020 di bawah Objektif 1 iaitu "Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu".

Bahasa Jiwa Bangsa

BULAN BAHASA KEBANGSAAN

ATABM merupakan anugerah terunggul dan berprestij bagi mengiktiraf sumbangan individu daripada golongan akademik pelbagai bidang dalam memartabatkan bahasa Melayu di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi.

Penganjuran anugerah ini telah bermula sejak tahun 2012 bertujuan mengiktiraf sumbangan individu daripada golongan akademik dalam memartabatkan bahasa Melayu di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA). Penganugerahan ini diadakan setahun sekali bersempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Sektor Pendidikan. Sehingga 2018, seramai lima orang ahli akademik telah dinobatkan sebagai Tokoh Akademik Bahasa Melayu.

## Asas dan TAKRIF ANUGERAH

### Asas Anugerah

Anugerah ini diberikan kepada ahli akademik berwibawa dalam disiplin ilmunya bagi memartabatkan bahasa Melayu selaras dengan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam 2016 hingga 2020.

### Takrif Anugerah

Anugerah ini diberi kepada ahli akademik di Institusi Pendidikan Tinggi. Tokoh ini mengguna, membangun dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai wahana aktiviti akademik dalam disiplin ilmunya.

**Profesor Dato' Seri Dr. Md. Salleh Yaapar**
Universiti Sains Malaysia



## 2012

**KEPAKARAN**

- Kesusasteraan Bandingan, Kesusasteraan Dunia Melayu & Teori Kesusasteraan

**Profesor Dato' Dr. Mohd Yusof bin Hj Othman**
Universiti Kebangsaan Malaysia



## 2013

**KEPAKARAN**

- Teknologi Fotovoltan & Fotovoltan Terma dan Sejarah & Falsafah Sains Islam

**Profesor Dr. Nor Hashimah Jalaluddin**
Universiti Kebangsaan Malaysia



## 2014

**KEPAKARAN**

- Linguistik (Semantik, Pragmatik dan Leksikografi)

**Profesor Dr. Noriah binti Mohamed**
Universiti Sains Malaysia



2016

**KEPAKARAN**

- Sosiolinguistik dan Linguistik Sejarah dan Perbandingan

**Profesor Dr. Nik Hazlina binti Nik Hussain**
Universiti Sains Malaysia



2017

**KEPAKARAN**

- Perbidanan dan Sakit Puan

# Syarat dan Peraturan

## Syarat Umum, Peraturan dan Tatacara Permohonan

## Syarat Umum

1. Terbuka hanya kepada warganegara Malaysia.

2. Pemohon mestilah terdiri daripada ahli akademik yang berkhidmat sepenuh masa di Universiti Awam sepanjang tahun atau sebahagian tahun yang dinilai.

3. Terbuka kepada semua ahli akademik yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun secara kumulatif sepanjang tempoh perkhidmatan.

## Peraturan dan Tatacara Permohonan

1. Pemohon hendaklah mendaftarkan pencalonan melalui Borang Pendaftaran Online di http://www.moe.gov.my/atabm

2. Pemohon hendaklah menggunakan borang permohonan terkini yang boleh dicapai melalui http://www.moe.gov.my/atabm. Permohonan yang tidak menggunakan borang yang disediakan tidak akan dinilai.

3. Borang permohonan mestilah diisi dengan lengkap mengikut format yang ditetapkan dan disertakan dengan dokumen sokongan serta bukti yang sah. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.

4. Permohonan hendaklah diperakukan oleh ketua tertinggi organisasi berkenaan, seperti Naib Canselor (NC)/Rektor/Ketua Pengarah (KP)/Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) atau wakil yang menjalankan tugasnya atau pemangkunya. Sekiranya borang permohonan ditandatangani oleh wakil/pemangku NC/Rektor/KP/Pengarah/KPE surat penurunan kuasa daripada NC/Rektor/KP/Pengarah/KPE perlu disertakan.

5 Sekiranya pemohon ialah ketua tertinggi organisasi berkenaan, seperti NC/Rektor/KP/Pengarah/KPE menjadi calon, maka borang pencalonan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU)/ Presiden/Ketua Setiausaha (KSU)/Pengerusi Lembaga Pengarah organisasi.

6 Ahli Jawatankuasa Induk, Ahli Jawatankuasa Teknikal dan Penerima Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu tidak boleh memohon. Sekiranya ada yang ingin memohon, maka beliau hendaklah melepaskan keahlian dalam jawatankuasa.

7 Sekiranya terdapat sebarang maklumat palsu dan tidak tepat, Kementerian Pendidikan Malaysia berhak untuk menarik balik anugerah.

8 Permohonan dalam bentuk salinan keras hendaklah dihantar kepada Urus Setia ATABM, KPM sebelum atau pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Permohonan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**Setiausaha Bahagian**
**Bahagian Perancangan dan Penyelarasan Dasar**
**Kementerian Pendidikan Malaysia**
**Aras 13, No. 2, Menara 2**
**Jalan P5/6, Presint 5**
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**
**62200 PUTRAJAYA**
**(u.p.: Urus Setia Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu )**

9 Keputusan penganugerahan adalah muktamad.

# Kriteria Penilaian

1 Pengiktirafan dan sanjungan berasaskan sumbangannya dalam memartabatkan bahasa Melayu yang diterima di peringkat institusi, kebangsaan atau antarabangsa. **(30%)**

2 Menghasilkan penerbitan ilmiah dalam bentuk bahan-bahan berwasit yang bermutu tinggi dalam bahasa Melayu: **(20%)**



*a* Buku atau e-buku (sebagai penulis utama)



*b* Buku atau e-buku (sebagai penyunting)



*c* Bab dalam buku atau e-buku (sebagai penulis utama)



*d* Makalah Jurnal (sebagai penulis utama)



*e* Laporan Teknikal (berasaskan penyelidikan dan perundingan)



*f* Karya terjemahan ke bahasa Melayu




*g* Penerbitan-penerbitan lain (majalah, akhbar dan buletin)

3 Penyeliaan tesis, disertasi atau latihan ilmiah dalam bahasa Melayu (sebagai penyelia utama) bagi pelajar pada peringkat pengajian doktor falsafah, sarjana, sarjana muda atau diploma. **(15%)**

4 Menghasilkan penyelidikan ilmiah yang berwibawa dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai wahana di peringkat institusi, kebangsaan atau antarabangsa. **(10%)**

5 Pengajaran dalam disiplin ilmunya menggunakan bahasa Melayu di peringkat pengajian doktor falsafah, sarjana, sarjana muda atau diploma. **(10%)**

6 Khidmat perundingan dalam bahasa Melayu yang disumbangkan kepada mana-mana pihak yang membawa dampak kepada organisasi. Manakala hasilan inovasi dalam bahasa Melayu adalah hasil kreativiti dan inovasi yang berdampak tinggi sama ada dalam bentuk produk atau perkhidmatan. **(5%)**

7 Jawatan pentadbiran yang disandang pada peringkat institusi seperti Ketua Jabatan, Timbalan Pengarah, Pengarah, Dekan, Timbalan Naib Canselor, Naib Canselor dan lain-lain. Kriteria ini juga mengambil kira Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) yang dianugerahkan oleh organisasi. **(5%)**

8 Khidmat ikhtisas ialah khidmat yang diberikan berdasarkan bidang kepakaran. Manakala khidmat masyarakat adalah penglibatan dan sumbangan dalam aktiviti kemasyarakatan di luar bidang tugas. **(5%)**

# HUBUNGI KAMI

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada
Urus Setia ATABM

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada :

# URUS SETIA ATABM

## PENASIHAT


**Cik Normah binti Osman**
**No. Tel. : 03-8870 6260**
**E-mel : normah.osman@moe.gov.my**


## URUS SETIA


**Encik Subramaniam A/L Krishnasamy**
**No. Tel. : 03-8870 5365**
**E-mel : subra@moe.gov.my**

**Puan Noridah binti Lohang**
**No. Tel : 03 - 8870 5087**
**E-mel : noridah.lohang@moe.gov.my**

**Cik Najlia binti Mohd. Nasir**
**No. Tel : 03-8870 5064**
**E-mel : najlia.nasir@moe.gov.my**

**Cik Ummu Taqiah binti Bahari**
**No. Tel : 03-8870 6000 ext: 4430**
**E-mel : taqiah.bahari@moe.gov.my**

**Cik Eyni Zahirah Rahim binti Abdullah**
**No. Tel : 03-8870 6000 ext: 4563**
**E-mel : eyni.rahim@moe.gov.my**

**Puan Norkumalasari binti Abdullah**
**No. Tel. : 03-8870 5384**
**E-mel : norkumalasari@moe.gov.my**

**Encik Shahrolhizan bin Yaakub**
**No. Tel. : 03-8870 5327**
**E-mel : shahrol.yaakub@moe.gov.my**

KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Urus Setia
Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu
Bahagian Perancangan dan Penyelarasan Dasar
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 13, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6 Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA